

Siaran Akhbar Ini Diembargo  
4.00ptg, Sabtu, 3 September 2016

# **PERINCIAN PROGRAM RAKAN-RAKAN KERJASAMA**



People's Association

### **GERBANG BAHASA 2016 – PERSEMBAHAN TEATER: ILMU, BUDAYA, MESRA**

Gerbang Bahasa 2016 akan mempersembahkan sebuah teater yang bermatlamat untuk memberikan kesedaran tentang penggunaan loghat bahasa Melayu sejak masa lalu sehingga kini agar kekal relevan untuk generasi akan datang.

Contohnya, pantun ialah salah satu cara untuk menyampaikan mesej dan hajat seseorang secara tersirat. Pada masa kini, pantun masih boleh kita dengar dalam majlis-majlis tertentu dan hujah-hujah yang bersifat formal serta dalam suasana santai. Kita harus memastikan pantun kekal relevan dalam konteks penggunaannya.

Acara ini bertujuan untuk sama-sama para penduduk dan para pelajar bagi menyambut perayaan bahasa dan budaya Melayu. Selain teater, Gerbang Bahasa ingin menjemput semua pengunjung agar dapat menimba ilmu dan melihat kerelevan bahasa, budaya dan tradisi Melayu dimodernkan dan dilestarikan di ruang pameran.

Terdapat dua buah pertandingan, iaitu Jom! Berpantun dan Lukisan Bahasa, yang merupakan acara kemuncak.

---

### **ACE THE PLACE CC MAEC**

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) bekerjasama dengan Jawatankuasa Pengurusan Balai Rakyat dan pertubuhan akar umbi untuk meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu di dalam kursus-kursus, aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan sebagainya. Selain itu, terdapat juga kegiatan-kegiatan yang menggalakkan persefahaman antara kaum dan penghargaan silang budaya dalam masyarakat majmuk.

### **CITRA SUARA KOTA**

Citra Suara Kota merupakan satu gabungan yang diketuai oleh Ahn Dee dan teman-teman, juga termasuk bakat-bakat muda yang lain dalam satu acara persembahan muzik dan puisi hasil dari karya mereka sendiri. Nama-nama seperti Herman Mutiara, Kidzer Salim, Natasha Kamsan dan lain-lain lagi akan turut serta memeriahkan acara ini. Dalam masa yang sama, ianya bertujuan untuk menggalakkan penggunaan bahasa Melayu menerusi seni penulisan lirik, nyanyian dan persembahan di kalangan anak muda.

#### **Herman Mutiara**

Herman Mutiara telah banyak membuat persembahan di dalam dan juga luar negara. Dengan bertemankan petikan gitarnya dan senikata yang bukan konvensional, beliau sering memberi satu kelainan dalam penghargaan puisi berlagu.

Untuk maklumat lanjut, sila layari: <https://youtu.be/gPsBtZ3aHtM>

#### **Kidzer Salim**

Kidzer Salim, salah satu penyanyi yang semakin popular dengan lagunya "Sepasir Putih" akan mendendangkan karyanya dengan suaranya dan petikan gitar oleh rakannya.

Untuk maklumat lanjut, sila layari: <https://youtu.be/C4L1aHfbahl>

---

### **AHN DEE**

Ahn Dee sering membuat persembahan di acara-acara puisi tempatan dalam usahanya untuk turut memberi sokongan kepada perkembangan seni bahasa Melayu. Dalam masa yang sama, Ahn Dee juga minat di dalam penggubahan lagu.

Untuk maklumat lanjut, sila layari: <https://youtu.be/of6L080yRmk>



### **SEMINAR SASTERA SINGAPURA 2016**

Asas '50 bakal menganjurkan seminar sastera Singapura yang diadakan buat julung-julung kalinya. Seminar ini menyatukan para penulis baru dan mapan Singapura yang akan berkongsi beberapa rahsia di sebalik proses penulisan mereka. Antara perkara yang akan disentuh termasuk ciri-ciri kejayaan (faktor utama kejayaan) dalam sesebuah penulisan, satira dalam pengkaryaan, muzik dalam sastera, dan keseronokan sastera kanak-kanak. Seminar ini juga bakal menyaksikan perbincangan trend dan cabaran perkembangan persuratan di tanah air kita serta di peringkat serantau oleh para ahli akademik tempatan yang mempunyai pengalaman luas dalam arena persuratan.

Peserta dan pengunjung boleh membeli buku-buku karya penulis tempatan dengan harga istimewa di gerai-gerai buku yang disediakan.

---


### **ANGKATAN SASTERAWAN (ASAS '50)**

Angkatan Sasterawan '50 atau ringkasnya Asas '50 adalah sebuah pertubuhan sastera pertama di Malaya sebelum perang. Ditubuhkan pada 6 Ogos 1950, Asas '50 merupakan pertubuhan sastera pertama yang bersifat kemasyarakatan dan menggunakan bahan sastera sebagai wadah mencapai kemerdekaan untuk Malaya pada tahun 1957. Bertunjangkan prinsip 'Seni untuk Masyarakat', Asas '50 merupakan agen pencorak perkembangan sastera Melayu moden. Pada zaman ini, Asas '50 terus meneroka lebih banyak cara dan inisiatif untuk membangunkan program yang menyemai pertumbuhan bahasa dan persuratan tanah air selaras dengan aspirasi negara dan serantau.



**BIGTREE PICTURES**

Est 2011



### **DARIPADA KERTAS KE PENTAS**

Pelajar-pelajar dari aliran Normal (Teknikal) Sekolah Menengah Zhenghua merupakan peserta utama dalam bengkel drama Kertas ke Pentas (Page to Stage) kelolaan BigtreeSG. Pementasan ini mengisahkan nasib Si Lebai Malang. Ia juga sesuai untuk tontonan ibu bapa dan kanak-kanak.

Diterbitkan pada tahun 1908, cerita ini mengisahkan tentang nasib Pak Lebai, seorang yang bersifat ganjal di dalam masyarakat kampungnya. Apabila dijemput untuk memeriahkan tiga acara secara serentak, Pak Lebai tidak dapat membuat keputusan. Beliau berlengah dan akhirnya terlepas menyertai kesemua tiga acara. Cubaan demi cubaan harus ditempuh. Sikap tamaknya mengakibatkan kesengsaraan dan tabiat beliau yang suka bergantung kepada berkat orang lain menyebabkan kekecewaan dalam dirinya sendiri.

Ayah kita saksikan nasib Si Lebai Malang.

### **DIKIR BARAT**

Ayah bersama-sama Tok Juara, Tukang Karut, Awok-Awok serta pemain-pemain muzik tradisional kumpulan Dikir Barat untuk menikmati persembahan seni budaya Melayu yang menarik dan dinamik ini buat pertama kali di Muzium Negara Singapura. Nikmati alunan muzik, kemerduan vokal dan gerak seni persembahan mereka. Anda akan dihiburkan dalam persembahan khas Bulan Bahasa ini. Mereka akan melibatkan anda bersama-sama dalam persembahan bait-bait lirk di dalam Bahasa Inggeris & Melayu.

### **KARANG SEKARANG**

Karang Sekarang merupakan satu pertunjukkan khas yang berkonsepkan improvisasi atau gubahan semula yang menampilkan para artis tempatan seperti Sani Hussin dan Farhana M Noor (Super Spontan Upsize), Isa Bora (Maharaja Lawak Mega) dan Shida Lestaluhu (Anugerah Skrin). Dengan hanya idea secara spontan dan rawak, maklumat yang sedikit dan imaginasi yang sarat, mereka akan cuba untuk menggambarkan pelbagai watak dan adegan (dan juga mungkin bernyanyi!). Pertunjukkan ini akan mencabar kecerdasan secara spontan masing-masing dalam persembahan yang penuh kejutan.

Siaran Akhbar Ini Diembargo  
4.00ptg, Sabtu, 3 September 2016

Bawalah keluarga anda dan sertai kami dalam persembahan istimewa Bulan Bahasa ini.Bawalah keluarga anda dan sertai kami dalam persembahan istimewa Bulan Bahasa ini.

---

**BIGTREE PICTURES PTE LTD**

Bigtree Pictures Pte Ltd adalah sebuah syarikat produksi dan pencipta konsep (TV/Stage/Internet Media) yang komited untuk mencipta, mengembangkan dan menghasilkan produksi artistik budaya yang baik dan pelbagai untuk kalangan masyarakat tempatan dan juga khalayak antarabangsa.



### **LUMBA BAHASA & BUDAYA 2016**

Para peserta perlumbaan harus membentuk satu pasukan yang terdiri daripada empat atau lima anggota. Setiap kumpulan harus mempunyai ahli kumpulan yang bukan berbangsa Melayu atau terdiri daripada kumpulan usia daripada generasi yang ke-3. Perlumbaan akan bermula dari Kelab Masyarakat Cairnhill.

Setiap kumpulan akan diberikan sebuah gambar sebagai pembayang dan harus pergi ke setiap lokasi gambar yang diberi (3 lokasi terjauh). Bagi kumpulan yang perlukan bantuan untuk pergi ke lokasi, mereka boleh menghubungi talian pihak pengangur. Mereka akan diberikan dua rangkap pantun pembayang.

Setibanya di setiap lokasi, kumpulan harus mengambil gambar yang kreatif dan menghantar petikan tersebut melalui talian whatsapp. Mereka juga harus melaksanakan sebuah aktiviti di setiap lokasi.

Sekiranya berjaya menjalani aktiviti tersebut, mereka perlu mengambil sebuah abjad di setiap lokasi bagi membentuk sebuah perkataan misteri. Sekiranya setiap kumpulan sudah dapat mengumpul perkataan misteri yang secukupnya, mereka boleh pulang ke lokasi yang terakhir, iaitu Kelab Masyarakat Cairnhill dan mereka perlu melengkapkan sebuah pantun misteri.

Kumpulan yang pertama menyelesaikan pantun misteri dan sampai di lokasi stesen yang terakhir dalam masa yang terpantas akan diisyiharkan sebagai pemenang.

---

### **CAIRNHILL CC MAEC**

Cairnhill CC MAEC memainkan peranan penting bagi merancang and melaksanakan aktiviti-aktiviti yang melibatkan perkhidmatan kepada masyarakat di kawasan Moulmein-Cairnhill khususnya dan Singapura amnya.

Di bawah naungan Cairnhill CC MAEC, pasukan kebudayaan tarian Melayu meraih prestasi yang baik bagi menggalakkan seni persembahan Melayu. Selain daripada seni persembahan, para relawan telah sama-sama membantu di dalam acara-acara amal seperti mengadakan kelas kelolaan Puan Asmah Laili untuk keluarga yang kurang bernasib baik. Sejak kebelakangan ini, Cairnhill MAEC telah mendekati para penduduk bukan Melayu khususnya bagi menjayakan program-program di dalam bahasa Inggeris mengenai budaya Melayu.

Tambahan pula, terdapat trend pertumbuhan bagi jumlah keanggotaan belia menyertai Cairnhill MAEC. Kami senantiasa mencari jalan untuk melibatkan para belia Melayu dalam aktiviti-aktiviti kami.

Siaran Akhbar Ini Diembargo  
4.00ptg, Sabtu, 3 September 2016

**BY DEFINITION PTE LTD**

By Definition Pte Ltd ialah sebuah syarikat berdaya sosial yang mengkaji, menghasilkan dan mengendalikan program-program pembangunan diri melalui kerjasama dengan sekolah-sekolah, syarikat-syarikat swasta serta badan-badan kemasyarakatan.

Visi - Untuk Menjadi Syarikat Perunding & Latihan Yang Terbaik Di Nusantara

Misi - Untuk Mengkaji, Menghasilkan dan Mengendalikan Latihan & Perundingan yang Sesuai dengan Keperluan/Kemampuan

Prinsip - Kejujuran, Integriti, Ketepatan, Kesesuaian



People's Association

**FORUM SASTERA: MERENTAS SEMPADAN & MAJLIS PELANCARAN BUKU SUMADI SARKAWI & MAWAR MARZUKI**

Meraikan dan memekarkan kesusasteraan merentas sempadan Singapura dan Malaysia dengan sesi forum oleh ahli akademik dan sastera dari kedua-dua buah negara. Acara ini akan menyaksikan pelancaran buku "Sebatang Kapur Sebiji Wisel" tulisan Sumardi Sarkawi (Singapura) dan Mawar Marzuki (Malaysia).

---

**CHONG PANG CC MAEC**

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu ditubuhkan bagi meningkatkan penyertaan orang Melayu dalam kursus-kursus di balai rakyat, aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan melibatkan diri dengan hal ehwal dalam negara. Ia juga menggalakkan persefahaman antara kaum dan penghargaan silang budaya dalam masyarakat.



### **KUIZ BAHASA DAN BUDAYA MSP 2016**

Sekolah Tinggi Chung Cheng (Utama) bakal menganjurkan pertandingan kuiz bahasa yang ditujukan khas bagi pelajar-pelajar bukan Melayu yang mengambil bahasa Melayu sebagai bahasa ketiga. Pelajar-pelajar Program Khas Bahasa Melayu (MSP) yang akan mengambil bahagian di dalam kuiz ini bukan sahaja akan mengenali bahasa dan budaya Melayu, malah mereka akan melakukannya menerusi aktiviti yang seronok dan menarik.

---

### **SEKOLAH TINGGI CHUNG CHENG (UTAMA)**

Diasaskan pada tahun 1939, Sekolah Tinggi Chung Cheng (Utama) bermula sebagai sekolah lelaki di Kim Yan Road dan membenarkan masuk pelajar perempuan selepas Perang Dunia Kedua. Sekolah Tinggi Chung Cheng (Utama) menerima status autonomi pada tahun 1996 hasil daripada keputusan yang cemerlang untuk Peperiksaan GCE Peringkat 'O'. Pada tahun 2010, sekolah ini telah menerima *School Excellence Award (SEA)* dan *Best Practice Award (Student All-Rounded Development)*.



### **BENGKEL BIMBINGAN PENULISAN KARANGAN UNTUK IBU BAPA**

Kami percaya dengan bantuan dan bimbingan ibu bapa, murid akan lebih berkeyakinan dalam menulis karangan yang baik. Pakej penulisan karangan untuk guru dan murid sudah pun dikongsi di peringkat nasional semasa seminar Bahasa Melayu 2014. Ia juga telah dikongsi di sekolah-sekolah kelompok N3 (Utara) dan sebuah bengkel untuk guru-guru telah dijalankan. Sekolah-sekolah di kelompok N3 sudah menjalankan pakej ini bersama murid-murid mereka dan kami telah mendapat respons positif daripada hasil pakej tersebut. Pihak kami ingin meluaskan pakej penulisan karangan ini dan berkongsi dengan ibu bapa tentang cara-cara bagi membimbing anak mereka untuk menulis karangan dengan baik. Pada masa yang sama, ibu bapa dapat membantu anak-anak mereka dalam persiapan peperiksaan PSLE yang akan datang. Program ini juga akan membantu melestarikan penggunaan Bahasa Melayu dengan baik melalui pelbagai teknik penulisan yang akan diajarkan kepada ibu bapa dan anak mereka.

---

### **SEKOLAH RENDAH COMPASSVALE**

Jabatan Bahasa Melayu Sekolah Rendah Compasvale terdiri daripada guru-guru Bahasa Melayu yang berazam untuk memupuk minat Bahasa Melayu di dalam diri murid-murid. Ini direalisasikan dengan pelbagai bengkel dan program yang dianjurkan oleh Jabatan Bahasa Melayu. Bengkel penulisan karangan yang diketuai oleh Cikgu Sharifah Ayyoo Ali merupakan salah satu bengkel tahunan yang dianjurkan untuk murid-murid darjah 3 hingga 6.



**MAJLIS PELANCARAN BUKU PENULIS MUDA & ALBUM: MENYENTUH ZON REMAJA, DAI ELOGY & IRAMA KEMAKMURAN**

Majis ini merupakan sebuah acara pelancaran buku puisi dua orang penulis remaja, iaitu Khalisah Khair dan Ahmad Mustaqin. Mereka bakal melancarkan buku yang bertajuk ‘Menyentuh Zon Remaja’ dan ‘Daielogy’ (Monologue). Faridah Taib, peserta akhir dalam pertandingan menulis lirik Berita Harian dan COMPASS 2015, akan melancarkan albumnya, ‘Irama Kemakmuran’.

---

**DONDANG MUSIC**

Dondang Music adalah syarikat yang ditubuhkan pada awal tahun 90an untuk menjaga hak milik seni kata dan lagu yang dihasilkan oleh pengasasnya Mohd Khair Mohd Yasin (Khayas). Ianya dinamakan Dondang Music berdasarkan irama dan jenis lagu-lagu ikonik yang dihasilkan oleh pengasasnya seperti Dondang, Temasya Desa Gemalai dan Pesta Perut. Konsep dan tumpuan Dondang Music adalah untuk menghasilkan karya-karya yang berbentuk kemasyarakatan dicipta, dikembangkan dan terus diwariskan sebagai usaha untuk melestarikan keunikan budaya, seni muzik dan bahasa Melayu bagi generasi yang akan datang.



### **FORUM SISWA**

Forum Siswa merupakan sebuah wadah perbahasan yang bertujuan untuk menggalakkan penyelidikan dan perkongsian wacana sastera serta pemikiran.

Forum tahunan ini akan melibatkan penyertaan siswa-siswi dari Universiti Kebangsaan Singapura, Institut Pendidikan Nasional (Universiti Teknologi Nanyang), dan UniSIM termasuk para siswa-siswi yang melanjutkan pengajian khasnya dalam Pengajian Melayu di luar negara. Setiap wakil dari institusi pengajian tinggi ini akan membentangkan makalah kajian mereka. Forum ini disokong Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS), manakala Dr Azhar Ibrahim menjadi konvenornya.

---

### **DR. AZHAR IBRAHIM**

Dr Azhar Ibrahim ialah Felo Pelawat di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Kebangsaan Singapura (NUS). Minat penyelidikan beliau termasuk Sosiologi Agama, Sosiologi Sastera, Kesusteraan Melayu klasik dan moden, bahasa Melayu dan Pembangunan Intelek. Penyelidikan yang diminati beliau juga termasuk meneroka perspektif pedagogi kritikal dan teologi transformasi.



People's Association

### **LIRIK LAGU MELAYU: DULU DAN SEKARANG**

Terdapat muzik dan lirik di dalam penyusunan sesebuah ciptaan lagu. Para peserta akan dapat menghargai keindahan penulisan lirik dan penggubahan lagu-lagu Melayu pada zaman dahulu dan kini. Tokoh-tokoh yang berpengalaman akan mengongsikan tentang kegunaan metafora, rentak dan irama di dalam lagu-lagu tulisan mereka.

Yusnor EF dan Amirah Omar diundang sebagai panelis perkongsian bagi acara ini. Manakala, Rahman Daud pula sebagai moderator.

*\*Programme tertakluk kepada perubahan oleh pengajur*

---

### **EUNOS CC MAEC**

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) Eunos CC meningkatkan penyertaan orang Melayu dalam kursus-kursus di balai rakyat, aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan hal ehwal dalam negara. Ia juga menggalakkan persefahaman antara kaum dan penghargaan silang budaya dalam masyarakat.



### **BENGKEL BAYANG BONEKA**

Mari terokai imaginasi dan kreativiti anda di dalam keadaan gelap dan bersedialah untuk menghasilkan boneka serta jalan cerita yang menarik di dalam bengkel boneka bayang-bayang ini.

Bengkel dua jam ini sesuai bagi keluarga dan bengkel ini memberi peluang kepada anda untuk sama-sama berimajinasi dan mengekspresikan diri secara kreatif melalui persembahan boneka bayang-bayang. Anda akan dibimbing dalam menghasilkan boneka serta membina jalan cerita sendiri dan menjayakan sebuah pertunjukan bayang-bayang pada akhir sesi tersebut.

### **BENGKEL EKSPRESI ABSTRAK**

Bengkel empat jam ini memberi peluang kepada para peserta terutama sekali pelajar menengah untuk meluahkan perasaan mereka yang tersirat dengan cara yang kreatif dan imaginatif melalui lukisan abstrak dengan menggunakan cat akrilik pada kanvas. Para pelatih juga akan berkongsi ilmu dan teknik serta pengalaman mereka bagi menyuntik minat kepada setiap peserta.

Setelah siap kesemua lukisan, setiap pelajar akan diberi kesempatan untuk membentangkan hasil karya mereka dengan menerangkan pengertian di sebalik lukisan mereka. Mereka juga berpeluang untuk membawa pulang hasil karya mereka sendiri.

Jumlah Peserta – 12 murid

---

### **FUNPLAY WORKSHOP**

Ditubuhkan pada 2009, Funplay Workshop menganjurkan program-program dan persembahan drama di sekolah-sekolah dan di tempat awam di dalam bahasa Inggeris, Melayu dan Mandarin. Sesi-sesi drama yang diadakan telah membuat ramai pelajar menjadi konfiden dan yakin dengan kemampuan mereka sendiri.

Pada 2014, Funplay Workshop juga telah menujuhkan Bayang Troupe yang merupakan kumpulan teater di bawah naungan Funplay Workshop. Ia terdiri daripada segolongan penggiat teater yang berharap dapat memupuk minat golongan muda terhadap pengekspresian diri secara kreatif melalui bahasa, boneka dan permainan (bayang-bayang). Mereka telah mengendalikan beberapa bengkel di sekolah-sekolah dan tempat-tempat awam.

Ekspresi Abstrak ialah program perintis oleh penggiat Seni Visual kami dalam memberi peluang kepada para peserta untuk meluahkan isi hati mereka yang tersirat serta meneroka lukisan abstrak dengan

Siaran Akhbar Ini Diembargo  
4.00ptg, Sabtu, 3 September 2016

cara yang kreatif dan imaginatif. Kami berharap dapat memupuk minat golongan muda dalam mempertingkatkan kepercayaan diri mereka serta menerapkan nilai kehidupan yang positif.



People's Association

### **PESTA SYAIR 2016**

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu Kelab Masyarakat Geylang Serai dengan sokongan Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC) dan Majlis Bahasa Melayu Singapura, akan menganjurkan Pesta Syair (Peraduan Kreatif Syair & Bengkel Penulisan Syair 2016) sempena Bulan Bahasa Melayu 2016.

Acara ini bertujuan untuk menggalakkan para pelajar sekolah rendah menulis syair dalam bahasa Melayu dengan menggunakan kreativiti masing-masing, memperbaiki bacaan menggunakan Bahasa Baku serta memperkenalkan struktur program ini dengan melibatkan penyertaan keluarga terutamanya ibu bapa yang menyokong pelajar dalam menggunakan bahasa Melayu.

Pesta Syair (Bengkel & Pertandingan Kreatif Syair) adalah program tahunan yang disokong oleh Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Bahasa Melayu (MLLPC) dan tahun ini merupakan tahun ke-6, Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu Kelab Masyarakat Geylang Serai menganjurkan acara ini.

Program acara ini akan dibahagikan kepada 2 sesi. Bengkel selama satu setengah jam ini akan diadakan dan penceramah jemputan akan mengelolakan bengkel syair. Penceramah akan mengajar para pelajar tentang cara menulis syair secara kreatif dan cara untuk membaca syair dalam Bahasa Baku.

Program seterusnya adalah pertandingan syair di mana pelajar yang terpilih akan mengambil bahagian dalam pertandingan ini dengan mengikut tema yang diberikan oleh pihak penganjur.

---

### **GEYLANG SERAI CC MAEC**

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu Kelab Masyarakat Geylang Serai bekerja sama dengan Jawatankuasa Pengurusan dan pertubuhan akar umbi tempatan yang lain untuk menggalakkan masyarakat Melayu untuk menyertai kursus di kelab masyarakat, aktiviti kemasyarakatan dan hal ehwal negara; dan memupuk persefahaman antara kaum dan penghargaan silang budaya.



### **NOTA CINTA**

Sejarah Jawi akan dikongsikan bersama para peserta. Mereka akan diajar bagaimana untuk mengeja menggunakan tulisan Jawi dan ini akan membolehkan mereka menukar perkataan Jawi ke Rumi. Ini akan membantu mereka menulis peribahasa daripada Rumi ke Jawi, yang akan digunakan dalam nota mereka.

Bengkel ini diharapkan dapat menghidupkan kembali penggunaan tulisan Jawi dan amalan menulis nota kepada yang tersayang.

---

### **HAZ WORKZ DESIGN**

Haz Workz Design menganjurkan Program Jawi sebagai sebahagian daripada Program Bahasa Ibunda yang berlangsung setiap dua minggu. Program ini meliputi sejarah tulisan Jawi dan pelajar-pelajar akan diajar cara untuk menulis huruf-huruf jawi. Pada akhir program ini, mereka akan dapat mengeja nama mereka menggunakan tulisan Jawi.

HazWorkz Design juga bertugas untuk menghidupkan kembali tulisan Jawi melalui kaligrafi Jawi moden, *Jawi Calligraffiti*.



### **PERADUAN BACAAN KORUS**

Lima finalis Peraduan Bacaan Korus semasa bulan April bertanding pada bulan Ogos. Seorang pengadil undangan akan menilai persembahan oleh kanak-kanak ini. Tiga pemenang akan membuat persembahan semasa Bulan Bahasa 2016.

---

### **TADIKA & TAJAKA IMAN DAN KIDS KINGDOM**

Tadika dan Tajaka Iman menyediakan program awal kanak-kanak yang kreatif dan ceria dengan penekanan pada nilai-nilai budaya. Ketika ini, kami mengendalikan sebanyak 11 tadika dan pusat penjagaan kanak-kanak di seluruh Singapura. Kami menerapkan nilai-nilai murni di samping mengejar kecemerlangan akademik; program menyeluruh untuk kebaikan dan pembentukan peribadi untuk pembangunan kanak-kanak secara menyeluruh.



### **BAHASA KITA / INDAHNYA BAHASA / BAHASAKU**

Saksikan 3 persembahan lagu di mana lirik pada lagu-lagu ini merupakan lirik yang ditulis pelajar sekolah menengah yang telah memenangi pertandingan menulis lirik tahun lepas. Mereka telah berkerja bersama Nusantara World Music untuk mencipta sebuah lagu daripada lirik mereka. Mereka juga akan berkongsi tentang lirik yang dituliskan mereka.

### **Bahasaku Gemilang 2016 “Yok Pantun”**

Sertailah kami dan menghidupkan bahasa pantun dalam acara “Yok Pantun”.

Peraduan berbalas dan jual beli pantun ini bermatlamat untuk memupuk rasa cinta dan memperlihatkan keindahan dan keunikian pantun melayu. “Yok Pantun” juga memberi peluang kepada para penonton untuk menyertai kuiz di samping mendalami khazanah pantun kita.

---

### **JURONG GREEN CC MAEC**

Ini adalah kali kedua Kelab Masyarakat Jurong Green CC MAEC akan bergabung dengan Kawasan Jurong GRC untuk menyemarakkan Bulan Bahasa 2016. Jawatankuasa MAEC Jurong Green juga dianggotai oleh Cikgu Naim Pani dan Cikgu Sarifah Azlin yang telah menganjurkan acara-acara Bulan Bahasa untuk penduduk dan sekolah-sekolah di kawasan Jurong Central selama empat tahun berturut-turut.



### **LUMBUBA 2016**

Lumbuba merupakan gabungan singkatan perkataan lumba, budaya dan bahasa. Setiap pasukan harus berlumba dan melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan dengan budaya dan bahasa Melayu.

Setiap kumpulan terdiri daripada 5 orang ahli yang berusia di antara 13 dan 35 tahun. Setiap pasukan akan diberikan 120 minit untuk menyelesaikan 10 buah stesen. Para peserta harus ke setiap stesen untuk menyelesaikan tugas dan mendapatkan petunjuk seterusnya.. Pasukan yang dapat menyelesaikan semua tugasan dalam masa yang tersingkat akan menujuri perlumbaan ini. Tugasan-tugasan tersebut bakal menguji kepintaran para peserta dalam bahasa, budaya dan ilmu pengetahuan am tentang Bukit Batok East.

Buat pertama kali, peraduan berkonsepkan amazing race akan diadakan di masyarakat Bukit Batok East. Para aktivis Kelab Masyarakat (CC), wakil sekolah, para pembekal khidmat dan ramai lagi secara sukarela akan menjadi “Station Masters” untuk acara ini.

### **GURINDAM**

Nilai puitis. Nilai irama. Nilai seni. Nilai budaya.

Kesemuanya akan dipersembahkan di medan pentas IMM pada 1 Oktober 2016. Mari bersama-sama berhibur bersama artis-artis tempatan yang bakal mendendangkan aneka hidangan lagu. Aisyah aziz dengan suaranya yang memukau. Rudy Djoe dengan lengkok suaranya yang lemak. AB Shaikh dengan ramah bersahajanya.

Nantikan acara gurindam. Bila puisi berirama.

### **TUNAS 2016**

Destar, kerongsang, tanjak, tengkolok... Apakah itu semua?

Hendak tahu? Datanglah ke program TUNAS yang diserikan dengan para peserta cilik dari tadika-tadika kawasan Jurong. Lihat mereka menggayakan busana Melayu dan memberikan penerangan busana masing-masing. Pasti seronok melihat aksi si kecil.

Apakah nilai dalam lagu Melayu? Hendak tahu... Semuanya terkupas di sini.

Lagu rakyat Melayu seperti Lagu Tiga Kupang, Rasa Sayang, Tanya Sama Pokok, Katak Oh Katak disisipkan dengan pelbagai nilai.... Anda bakal diterujukan dengan persembahan anak-anak tadika beraksi menyanyikan lagu-lagu rakyat secara berkumpulan.

**MAEC-MAEC JURONG GRC**

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) bekerja bersama Jawatankuasa Pengurusan Balai Rakyat (CC) dan pertubuhan akar umbi untuk meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu dalam kursus-kursus CC, aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan ehwal negara. Ia juga menggalakkan persefahaman antara kaum dan penghargaan silang budaya dalam masyarakat.



### **KEMBARA BAHASA 2016: PESTA PANTUN DAN PERSEMBAHAN BUDAYA**

Peraduan penulisan pantun untuk para pelajar sekolah rendah dan menengah akan berlangsung dari 1 Ogos hingga 31 Ogos 2016.

Penyertaan harus dimel kepada kimsengmaec@gmail.com

Tema Peraduan Pantun adalah "Keluarga KU Kekuatan KU".

Peraduan Pantun diharapkan dapat menggalakkan kreativiti di kalangan para pelajar dalam penggunaan Bahasa Melayu. Dengan tema ini diharapkan para generasi muda akan lebih menghargai pentingnya nilai sesebuah keluarga dalam kehidupan.

Publisiti akan dihantarkan menerusi emel kepada Ketua Bahagian Bahasa Melayu sekolah-sekolah.

### **KEMBARA BAHASA 2016 pada 17 September 2016.**

Kembara Bahasa yang bakal diadakan di Balai Rakyat Kim Seng menyatukan persembahan budaya Melayu dan pameran peralatan kegiatan Melayu.

Kumpulan daripada Traditional Archery Association, Persatuan Hadrah Kompang Singapura, dan persatuan Keris akan mempamerkan peralatan mereka.

Artikel penjelasan tentang bahan pameran akan dipaparkan kepada para pengunjung supaya pelajar dan tetamu akan meraih manfaat daripada paparan ini. Keterangan ringkas tentang peralatan pameran akan juga disampaikan kepada para penonton.

---

### **KIM SENG CC MAEC**

Jawatankuasa Kegiatan Melayu Balai Rakyat Kim Seng, sejajar dengan misi Persatuan Rakyat untuk menggalakkan perpaduan masyarakat dan mereka yang mempunyai minat yang sama supaya berinteraksi sesama mereka. Kami juga sering bekerjasama dengan badan-badan setempat untuk menganjurkan lebih banyak aktiviti untuk para penduduk Kim Seng.



People's Association

### **BULAN BAHASA 2016 @ KEAT HONG**

Bulan Bahasa 2016 @ Keat Hong memberi tumpuan kepada penggunaan Bahasa Melayu yang betul serta memperkenalkan budaya dan tradisi Melayu. Tema kali ini diberi nama: "Biasakan Yang Betul, Betulkan Yang Biasa".

Pameran "Sebut Biar Betul" kendalian sukarelawan guru Bahasa Melayu akan menerangkan cara menyebut perkataan-perkataan dalam Lagu Kebangsaan, Majulah Singapura, dengan betul. Terjemahannya akan dipaparkan untuk semua.

Deklamasi Sajak juga akan berlangsung dan ini akan diiringi oleh persembahan dari sekolah-sekolah kejiranan seperti Tarian Melayu, Gamelan, Nyayian Lagu-lagu Rakyat dan sebagainya.

Matlamat utama kami ialah untuk mendekatkan lagi jurang di antara kaum sambil berkongsi tentang keunikan Bahasa, Budaya dan Tradisi Melayu. Masih ramai yang tidak mengetahui bahawa kita juga mempunyai pantang larang yang sama seperti kaum lain. Dengan adanya acara sebegini, kami harap ianya dapat menjadi satu platform untuk lebih menguatkan lagi perhubungan kita dengan kaum-kaum yang berbilang bangsa di Singapura. Mari kita berjuang untuk memperkuuhkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan di Singapura.


---

### **LAM SOON CC MAEC**

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) bekerjasama dengan Jawatankuasa Pengurusan Balai Rakyat (CC) dan pertubuhan akar umbi untuk meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu dalam kursus-kursus CC, aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan ehwal negara. Ia juga menggalakkan persefahaman antara kaum dan penghargaan silang budaya dalam masyarakat.

Acara ini disokong oleh:

Lam Soon Community Centre Management Committee  
Lot One Shoppers' Mall  
National Library Board  
National Heritage Board  
Bukit Panjang Government High School  
Chua Chu Kang Primary School  
Concord Primary School  
ITE College West  
South View Primary School



### **NEK SELAMPIT DAN KISAH DIRAJA**

Pernahkah anda fikirkan siapa itu Sang Nila Utama? Atau gadis rupawan yang bergelar Raden Mas Ayu? Mari serta bersama Jumaini Ariff, yang dikenali sebagai Nek Selampit, dan berhibur dengan kisah-kisah mengenai putera dan puteri Singapura zaman silam yang berunsur keberanian dan kepintaran. Adik-adik juga boleh mengukir cerita sendiri dan ikuti aktiviti kata-kata. Jumpa di sana!

### **PANEL PERBINCANGAN: SASTERA UNTUK SIAPA? BERSAMA PENULIS-PENULIS SENARAI PENDEK HADIAH SASTERA SINGAPURA**

Acara ini memberikan peluang kepada peserta untuk berjumpa pemenang-pemenang Hadiah Sastera Singapura 2016. Dengarkan mereka membaca ekstrak daripada buku mereka dan membincang tentang isu-isu yang boleh didapati dalam buku itu.

### **MERIWAYATKAN SEJARAH KELUARGA OLEH HAFIZA TALIB**

Pelajari bagaimana anda boleh merakam susur galur keluarga dengan menyusun anekdot, gambar-gambar dan rakaman temu ramah. Seorang guru Bahasa Melayu pada siang hari, Hafiza Talib seorang penulis beranugerah, telah bermula menulis semenjak 1987. Cereta pendeknya, 'Singapuraku', telah dipilih oleh Read! Singapore 2008. Beliau telah menerbitkan enam buah buku, dua merupakan buku sejarah.

### **KURSUS PENULISAN LIRIK BERSAMA HARTINAH AHMAD**

Pelajari untuk menulis lirik di bawah bimbingan seorang penulis lirik yang tersohor, Hartinah Ahmad. Hartinah Ahmad adalah seorang penulis bebas dan telah menulis beratus lagu untuk artis tempatan dan dari luar negeri, lagu tema, skrip televisyen dan radio untuk Mediacorp. Beliau telah memenangi beberapa anugerah seperti *Golden Point Award 2013*, dan *Artistic Excellence Award* yang dianugerahkan oleh COMPASS.

---

### **MAJLIS PEMBANGUNAN PERBUKUAN NASIONAL SINGAPURA**

Majlis Pembangunan Buku Nasional Singapura (NBDCS) adalah sebuah pertubuhan yang tidak mengambil keuntungan yang ditubuhkan pada tahun 1969 sebagai badan amal untuk membangunkan dan mengembangkan sektor seni sastera di Singapura. NBDCS memberi ruang bagi pakar-pakar dalam sektor seni sastera untuk menjalankan hubungan dan bekerjasama dengan matlamat mencapai pengiktirafan sejagat dan meningkatkan kesedaran awam mengenai para penulis dan seniman Singapura.

Siaran Akhbar Ini Diembargo  
4.00ptg, Sabtu, 3 September 2016



**KELAB MEMBACA WIRA PINTAR @ TRL/ KELAB MEMBACA WIRA PINTAR @ SRPL / KELAB MEMBACA WIRA PINTAR @ YIPL**

Kelab ini bertujuan memupuk minat membaca dalam Bahasa Melayu khususnya dalam kalangan kanak-kanak di samping menanamkan tabiat membaca yang sihat. Tujuan ini akan diterapkan melalui aktiviti berasaskan buku dan kegiatan-kegiatan lain yang menyeronokkan.

**BENGKEL PENULISAN KREATIF (UNTUK REMAJA DAN DEWASA OLEH PENULIS, NOOR HASNAH ADAM)**

Dalam siri bengkel khas 2 sesi ini, penulis tempatan Noor Hasnah Adam akan membimbang para peserta dalam menghasilkan karya berupa monolog dan sajak. Kudapan akan disediakan.

**MAJLIS PELANCARAN BUKU AZIZ FAKIR “KUMPULAN PUISI HARUM KASTURI”**

Encik Aziz Fakir akan melancarkan buku ‘Harum Kasturi’ yang merakam perjalanan beliau dalam dunia Bahasa dan Kesusasteraan Melayu sejak zaman perguruan beliau.

**DETIK-DETIK PERJALANAN: CITRA KARYA A WAHAB HJ. HAMZAH**

Perjalanan panjang A Wahab Hj. Hamzah dalam bidang penulisan menemukan beliau dengan banyak pengalaman berharga yang membentuk peribadi dan penulisannya. Penulis akan berkongsi pelbagai mutiara ilmu dan pengalaman beliau. Dr Subari Sukani akan turut mengupas beberapa aspek pengkaryaan penulis. Sesi ini untuk golongan remaja dan dewasa.

**BENGKEL MEMUPUK MINAT MEMBACA**

Bengkel Memupuk Minat Membaca untuk para ibu bapa ini bersifat interaktif dan bertujuan menanam rasa gemar membaca dalam diri kanak-kanak. Ibu bapa juga akan mengetahui cara hubungan mereka dengan anak-anak dapat dipereratkan lagi dengan membaca bersama.

---

**LEMBAGA PERPUSTAKAAN NEGARA (NLB)**

NLB menguruskan Perpustakaan Negara, 26 Perustakaan Awam dan Arkib Negara.

NLB mempromosikan pembacaan, pembelajaran dan literasi maklumat dengan menyediakan perpustakaan dan perkhidmatan mendapat maklumat yang mudah didatangi, boleh dipercayai dan bertaraf global melalui Perpustakaan Negara dan perpustakaan-perpustakaan awam. Dengan menjalinkan perhubungan yang strategik untuk memupuk perkongsian ilmu, perpustakaan-

perpustakaan juga menggalakkan penghargaan dan kesedaran mengenai sejarah Singapura melalui pelbagai acara dan koleksi Singapura dan rantauan. Arkib Negara menguruskan pengumpulan, pemeliharaan dan pengurusan arkib peribadi dan awam termasuk fail kerajaan, memoir peribadi, peta, gambar, temu bual sejarah secara lisan dan bahan-bahan pandang dengar.

Ditubuhkan pada 1 September 1995 sebagai lembaga berkanun, NLB ialah agensi di bawah Kementerian Perhubungan dan Penerangan (MCI).

**Visi**

Pembaca Seumur Hidup, Masyarakat yang Menimba Ilmu, Negara Berilmu Pengetahuan.

**Misi**

Kami membuat ilmu menarik, mencetuskan imaginasi dan mewujudkan kemungkinan.



### **SEMARAK WARISAN @ NEE SOON**

Sempena Bulan Bahasa 2016, Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) akan menganjurkan acara Bulan Bahasa pada Sabtu, 24 September 2016, daripada 2.00 petang hingga 6.00 petang di dewan serbaguna Kelab Masyarakat Nee Soon East.

Acara ini memberikan peluang kepada masyarakat Melayu untuk melihat keindahan bahasa Melayu dan keunikan budaya melalui aktiviti-aktiviti budaya, bahasa dan seni. Acara ini menggalakkan persefahaman dan pergaulan antara kaum serta mengeratkan silaturahim antara para penduduk yang berbilang kaum untuk meraikan warisan dan identiti Singapura. Acara ini juga bertujuan untuk memberi inspirasi kepada generasi muda untuk menggunakan bahasa ibunda mereka.

Para penduduk juga akan dapat menikmati persembahan seperti kompang, tarian Melayu dan dikir barat. Terdapat juga gerai-gerai kraftangan melayu, bangsawan dan permainan tradisional melayu di mana penduduk dapat pengalaman yang interaktif dan dapat mempelajari lebih tentang kesenian dalam budaya Melayu.

Jawatankuasa juga telah mengundang kumpulan-kumpulan Jawa, Bugis dan Boyan untuk mengadakan pameran untuk memberitahu penduk-penduduk tentang adat dan budaya mereka.

---

### **NEE SOON GRC MAEC**

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) dengan kerjasama Jawatankuasa Pengurusan Balai Rakyat (CC) dan pertubuhan akar umbi untuk meningkatkan penyertaan orang Melayu dalam kursus-kursus CC, aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan ehwal negara. Ia juga menggalakkan persefahaman antara kaum dan penghargaan silang budaya dalam masyarakat.



### **PELANCARAN BUKU KANAK-KANAK MHC**

NTU PERBAYU dan Taman Warisan telah bekerjasama untuk menerbitkan buku cerita bersiri interaktif bagi pelajar sekolah rendah dan pra-sekolah. Siri buku cerita berkisahkan tentang kehidupan Laila dan bagaimana beliau dibawa ke dimensi-dimensi berlainan untuk pelajari tentang Bahasa, Budaya dan juga Adat Melayu. Buku ini akan diberikan kepada setiap sekolah rendah dan pra-sekolah sebagai bahan pembelajaran. Kami harap agar sesi perkongsian ini dapat membimbing guru-guru dengan aktiviti-aktiviti yang terdapat dalam buku ini.

---

### **PERSATUAN BAHASA DAN BUDAYA MELAYU NTU (PERBAYU)**

Persatuan Bahasa dan Budaya Melayu NTU (PERBAYU) adalah sebuah pertubuhan pelajar yang dipimpin oleh mahasiswa-mahasiswa di NTU. Kami telah menjalankan aktiviti yang menggalakkan penggunaan Bahasa Melayu dan minat kepada budaya Melayu. Kami berharap untuk meningkatkan kesedaran, menyemai dan memupuk minat terhadap bahasa dan budaya Melayu. Acara-acara yang dianjurkan khas untuk semua usia, dari sekolah menengah hingga ke peringkat pengajian tinggi. Sebagai rakan kongsi Bulan Bahasa, kami aktif melibatkan diri dalam acara-acara Bulan Bahasa dan juga menganjurkan aktiviti berkaitan dengan Bulan Bahasa.



### **PERADUAN SAYA BOLEH MENGARANG 2016**

Pihak Pusat Bahasa Nusa, yang merupakan anak syarikat Edufront Learning Centre, akan memperkenalkan dan menjemput murid-murid untuk menyertai program Peraduan Saya Boleh Mengarang 2016.

Peraduan ini meneraskan beberapa matlamat utama berikut:

Mencabar minda pelajar dalam menghasilkan sebuah penulisan yang menarik, baik dari segi gaya bahasa mahupun jalan cerita berdasarkan daya kreativiti mereka

Meningkatkan daya keyakinan pelajar dalam penulisan melalui saingan daripada pelajar-pelajar yang terlibat

Mengenal pasti tahap kebolehan pelajar dalam penulisan bahasa Melayu

Kategori-kategori Pertandingan

Peraduan ini akan melibatkan para pelajar peringkat sekolah rendah dan akan dibahagikan kepada tiga kategori berikut:

No.	Kategori	Peringkat
1	A	Darjah 1 & Darjah 2
2	B	Darjah 3 & Darjah 4
3	C	Darjah 5 & Darjah 6

Hadiyah-hadiyah bagi Pertandingan Saya Boleh Mengarang 2016

#### 1. Para Peserta

Setiap peserta akan menerima sijil penganugerahan berdasarkan pencapaian mereka, iaitu Gangsa, Perak, Emas atau Emas dengan Kepujian.

#### 2. Para Finalis

- Piala
- Sijil penganugerahan
- Baucar Edufront \$200
- Baucar Popular Bookstore \$20
- Buku

3. 3 Peserta Terbaik

- Piala Kepujian
  - Sijil penyertaan serta sijil penganugerahan emas dengan kepujian
  - Baucar Edufront \$400
  - Baucar Popular Bookstore \$50
  - 2 Buku
- 

**PUSAT BAHASA NUSA**

Pusat Bahasa NUSA merupakan anak syarikat Edufront Learning Centre yang ditubuhkan pada tahun 2012. Kami menawarkan kelas bimbingan serta bengkel-bengkel pengayaan Bahasa Melayu. Matlamat kami adalah untuk memupuk minat para pelajar dan membantu mereka mencapai kecemerlangan dalam penggunaan Bahasa Melayu melalui program-program bimbingan dan pengayaan yang menyeronokkan dan berkesan.



### **B3: BELIA. BAHASA. BUDAYA.**

‘B3: BELIA. BAHASA. BUDAYA.’ adalah sebuah projek anjuran Nusantara Arts (NA) dengan visi melibatkan belia-belia melalui muzik, bahasa dan budaya.

Projek ini bermula dengan peraduan menulis puisi yang dibuka kepada para belia yang menuntut di sekolah menengah, maktab rendah dan institut pengajian tinggi. Penulis Puisi yang terpilih akan diberi peluang untuk mara ke peringkat seterusnya dengan menghadiri sebuah bengkel yang akan berlangsung selama satu hari. Para peserta bengkel ini akan dibimbing oleh Md Khair Md Yasin, Rafaat Haji Hamzah dan Cikgu Khaziah Yem. Puisi-puisi ini akan dijadikan sebuah karya muzik yang akan ditulis oleh sekumpulan komposer belia kami yang diketuai oleh Pengarah Artistik NA, Zulkifli M. Amin. Di kemuncak program ini, karya yang berdasarkan kombinasi puisi dan muzik akan dipersembahkan dalam sebuah konsert oleh ‘*Nusantara – an ensemble by Nusantara Arts*’ yang terdiri daripada pemuzik-pemuzik belia. Kumpulan muzik Nusantara menggunakan alat muzik kroncong dengan sentuhan irama melayu tradisional.

Melalui B3, murid-murid akan:

- meneroka kepelbagaiannya penggunaan Bahasa Melayu
- diberi kesedaran dan minat terhadap Bahasa melayu
- memupuk sebuah budaya yang menghargai bahasa melayu
- diberikan peluang dan pengalaman menghadiri satu persembahan di dewan konsert
- lebih memahami cara muzik dan puisi digunakan sebagai satu wadah untuk mengekspresi diri
- diberikan peluang untuk hasil karya mereka diterbitkan

---

### **NUSANTARA ARTS**

Nusantara Arts telah ditubuhkan dengan tujuan menyatukan pemuzik-pemuzik belia yang mempunyai minat mendalam terhadap karya mereka, peluang melestarikan seni, budaya dan muzik. Melalui Nusantara Arts, kami memberi pendekatan baru dan segar terhadap penggunaan bahasa. Kami mengalu-alukan kerjasama di antara aktivis sastera dan pemuzik belia.

Penasihat muzik and warisan NA, Datuk Suhaimi Mohd Zain atau lebih dikenali sebagai Pak Ngah, merupakan seorang penerbit dan komposer yang berprofilik. Penerima Pingat Budaya dan penggiat seni mapan, Nadiputra adalah penasihat seni sastera NA.

Siaran Akhbar Ini Diembargo  
4.00ptg, Sabtu, 3 September 2016

‘Nusantara – an ensemble by Nusantara Arts’ terdiri dari 10 artis belia yang amat berbakat. Nusantara adalah di bawah arahan Pengarah Artistik kami, Zulkifli M. Amin. Nusantara menggunakan alat muzik kroncong dengan sentuhan irama melayu tradisional.



### **KONSERT KOPRATASA & RAUSYANFIKIR**

Ayuh berhibur dan nikmati lagu-lagu yang penuh makna dan lirik yang menyentuh hati bersama Kopratasa dan Rausyanfikir. Anda pasti tidak mahu lepaskan peluang ini!

#### **Kopratasa**

Ditubuhkan pada 1985, kumpulan dari Malaysia ini dianggotai oleh Sani Sudin, Mohd Yusof Ahmad (Usop) dan Syed Indera Syed Omar (Siso). Kebanyakan lagu-lagu Kopratasa yang berunsur puisi, rakyat dan masyarakat dipengaruhi oleh pencipta dan penyanyi Malaysia, M. Nasir. *Masihkah Kau Ingat, Permata* dan *Mencari Cinta Yang Hilang* merupakan di antara lagu-lagu mereka.

#### **Rausyanfikir**

Rausyanfikir yang ditubuhkan pada 1991 dianggotai oleh Mohd Khair Yasin, Art Fazil dan Allahyarham Mohd Esham. Album pertama mereka yang dikeluarkan pada 1992 menerima sambutan yang hangat daripada masyarakat dan telah menjual lebih daripada 25 000 album di Singapura dan Malaysia. Lagu-lagu yang dicipta kumpulan ini bukan sekadar hiburan sahaja tetapi bertujuan untuk membuat para pendengar berfikir tentang isu-isu sosial yang menyelubungi masyarakat. Single mereka, *Dikir Fikir Fikir*, telah meraih Anugerah COMPASS pada tahun 1997. Pada tahun 2011, Khair Yasin dan Art Fazil bersatu kembali untuk mengeluarkan Revolusion Rausyanfikir – kompilasi lagu-lagu hit serta dua buah lagu.

---

#### **NUSANTARA WORLD MUSIC**

Nusantara World Music (NWM) menganjurkan acara, persembahan dan pameran mengenai budaya dan seni Melayu. NWM menghasilkan acara-acara Bulan Bahasa seperti Konsert Malam dan Juara Si Cilik semenjak 2013.

# اورکسترا سری تاماسیک

## ORKESTRA SRI TEMASEK

### RENTAK KITA! – MALAY ORCHESTRA PERFORMANCE & TALK

Pelajari sedikit sebanyak tentang sejarah muzik Melayu, asas paluan rebana serta asas tari Melayu. Penonton akan diberi peluang untuk mencuba rebana/kompong dan juga diajak bernyanyi dan menari sambil belajar dalam acara ini.

---

### ORKESTRA SRI TEMASEK

Orkestra Sri Temasek adalah sebuah Orkestra yang ingin mendidik anak-anak bangsa untuk mengenali dan pelajari tentang muzik Melayu dengan memainkan lagu-lagu asas Melayu sebagai Repertoire dalam orkestra. Asli, Inang, Zapin, Masri dan Joget menjadi bahan asas dalam orkestra serta menerapkan adat dan adab budaya melayu.



Terbahagi kepada 3 sesi, para peserta akan menimba pengetahuan mendalam mengenai Bangsawan. Para peserta akan mengenali sejarah Bangsawan serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Selain itu mereka juga akan mengikuti bengkel tentang cara-cara untuk melakukan persembahan Bangsawan yang betul dan akhir sekali akan diberi peluang untuk menonton sebuah persembahan Bangsawan secara langsung.

#### **PERTANDINGAN SOLILOQUY**

Pertandingan yang dianjurkan selama 5 tahun ini bertujuan untuk memberi keyakinan kepada peserta untuk membuat persembahan dalam Bahasa Ibunda dengan menyelitkan Simpulan Bahasa, Peribahasa, Pantun dan sebagainya, sambil mengasah bakat lakonan mereka. Peserta juga dapat menggunakan Bahasa Ibunda dalam suasana santai.

---

#### **PERKUMPULAN SENI**

Pertemuan seniman daripada pelbagai bidang pada tanggal 8 Julai 1956 membawa kepada penubuhan Perkumpulan Seni (PS), dengan tujuan asasnya ialah untuk memperkembangkan dan memelihara keaslian dan nilai kesenian Melayu. Berlandaskan cogan kata ‘Seni untuk Rakyat’, salah satu tujuannya ialah untuk membimbing dan membina pengertian seni kepada masyarakat.

Selain daripada mementaskan persembahan dan juga menerbitkan buku sendiri, PS aktif dalam pelbagai kegiatan kesenian Melayu, lebih-lebih lagi dalam Drama, Tarian dan juga Kesusasteraan, di dalam dan luar negara, hingga hari ini.

Antara pengasas PS termasuklah Usman Awang (sasterawan dan penyair terkenal), A. Ghani Hamid (juga sasterawan dan penyair terkenal, selain merupakan seorang pelukis), Bani Buang ('Bapa Drama Melayu', memperkenalkan Drama Melayu di kaca televisyen) dan juga Zubir Said, penggubah Lagu Kebangsaan Negara.



### **TERSIMPUL BAHASA DALAM BUDAYA PERSILATAN**

Pasukan PSSGS akan berada di beberapa sudut dalam bilangan yang kecil. Para pesilat akan mempamerkan seni persilatan yang berasaskan aliran Gayong. Persembahan mereka akan disulami dengan bait-bait pantun yang dikarang khusus untuk memperkenalkan setiap langkah dan senjata yang digunakan dalam persembahan mereka.

Pengunjung juga akan berpeluang memenangi cenderahati sekiranya berjaya melengkapkan pembayang atau cerita pada pantun-pantun yang telah diedarkan dalam bentuk makalah kecil. Pengunjung akan dapat lebih mudah untuk ~~dapat~~ melengkapkan pantun dengan meneliti persembahan silat yang dipamerkan.

---

### **PERGURUAN SILAT SENI GAYONG SINGAPURA**

Perguruan Silat Seni Gayong Singapura adalah sebuah perguruan yang berdaftar sebagai sebuah persatuan dan merupakan kerabat kepada Persekutuan Silat Singapura. Aliran Silat Seni Gayong yang mula diperkenalkan oleh guru utamanya iaitu Datuk Meor Abdul Rahman bin Uda Hashim (seorang yang berasal dari Perak, tetapi bekerja di Singapura pada tahun 40an) pada 1942, ini telah terus berkembang sehingga kehari ini dan percambahan ini dipimpin oleh ramai pengikut-pengikut mapan kepada beliau.

PSSGS, dibawah perhatian guru tua dari Taiping Perak, Tuan Hj Sidik bin Yeob (rakan sepermainan Datuk Meor Abdul Rahman) kini dikelolakan oleh Encik Rooslee bin Osman, seorang guru kanan aliran Gayong.

Telah menyokong acara sambutan Bulan Bahasa sejak tahun 2013 di bawah payung Majlis Guru-guru PERSISI. Bergiat aktif di beberapa Pusat Kejiranan, dan bergiat aktif dalam mempamerkan keaslian silat tradisi dengan harapan budaya bersilat ini tidak akan “Lapok dik Hujan dan Lekang dik Panas”.



### **PERSEMBAHAN DIKIR BARAT, TARIAN & KOMPANG**

Pelajar-pelajar dari Sayap Kesenian Belia Pertapis akan membuat persembahan yang menyatukan dikir barat, tarian Melayu, drama dan muzik pada 3 September. Penonton akan dapat menghargai bahasa dan persembahan seni Melayu melalui lirik, koreografi dan muzik.

### **PEINGKAT AKHIR PROJEK BINTANG DAN PERSEMBAHAN MUZIKAL**

Sempena Bulan Bahasa, Peringkat Akhir Projek Bintang menyediakan platform untuk pelajar-pelajar memaparkan bakat mereka di atas pentas melalui persembahan artistik dan episod perjalanan mereka semasa program Projek Bintang dari Mac ke Bulan Bahasa akan ditayangkan. Pelajar-pelajar akan mempersembahkan sebuah muzikal dengan tema ‘Impian dan Keluarga’.

Acara ini juga merupakan titik tamat pengajian pelajar-pelajar daripada program ini. Sijil akan diberikan kepada pelajar selepas menyelesaikan Projek Bintang – Sayap Kesenian Belia Pertapis. Anugerah khas akan diberikan kepada pelajar-pelajar yang berprestasi baik dalam bidang seni dan pendidikan. Acara ini akan diadakan di Black Box dan Taman Warisan Melayu.

---

### **SAYAP KESENIAN BELIA PERTAPIS**

**Projek Bintang** (TRSP) membangunkan bakat belia dan menanam kemahiran dan nilai Pembelajaran Sosial dan Emosi (SEL) melalui proses yang dinamik. Pelajar dari Sayap Kesenian Belia Pertapis dibimbing dalam beberapa disiplin estetik melaui modul yang berdasarkan seni, yang bertujuan untuk membangunkan bakat dalam bidang perfileman, muzik, drama, tarian dan dikir barat, dan menanam penghargaan terhadap bahasa Melayu. Modul-modul juga ingin mempengaruhi peajar-pelajar dan menguatkan kepercayaan diri dan keyakinan untuk mencapai cita-cita dan impian dalam bidang seni dan pendidikan.

Projek Bintang oleh Sayap Kesenian Belia PERTAPIS dibiayai oleh Community Leaders Forum (CLF) dan Lee Foundation. Disokong oleh Majlis Bahasa, Taman Warisan Melayu dan Composers & Authors Society of Singapore (COMPASS).

Siaran Akhbar Ini Diembargo  
4.00ptg, Sabtu, 3 September 2016



### SINGA MAKSIMA

Tahun ini, konsert Singa Maksima menampilkan tiga kumpulan Singapura – The Chapters, Klutz dan Isnina. Pengacara konsert ini ialah juruhebah terkenal Aura Shai dan Dzar Ismail.

---

### RIA 89.7FM

Ria 89.7FM ialah stesen radio kontemporari yang memainkan lagu-lagu Melayu dan Inggeris serta memaparkan maklumat secara ringkas dan menarik.



### **YOUTH ARTS 2016 – YOUNG PUPPETEERS**

Tunas Berseni adalah projek tahunan yang memaparkan lebih dari 80 orang kanak-kanak dan remaja dari Sri Warisan Academy of Performing Arts. Dengan konsep yang berbeza pada setiap tahun, tema yang dipilih kali ini adalah ‘Dalang Cilik’ menjelajahi kisah-kisah yang popular seperti Ramayana, Sang Nila Utama dan lain-lain lagi. Dengan gandingan tarian, muzik, teater dan multi media memberikan suntikan pembaharuan dan nafas baru bagi jalan cerita ‘Dalang Cilik’. Lebih dari 5 ciptaan baharu dan babak -babak yang akan diketengahkan dengan kerjasama di kalangan tim kreatif Sri Warisan dan Pangrawit Anyar Gamelan Ensemble.

### **SIRI TUNJUK AJAR SENI – MARI BERDIKIR**

Dikir Barat ialah salah satu bentuk seni Melayu yang berasal dari Selatan Thai & Malaysia secara rasmi di Kelantan. Dikir Barat juga merupakan salah satu bentuk seni yang paling popular di Singapura dan juga merupakan daya tarik kepada pelajar dan belia. Program ini dicipta untuk menarik perhatian kanak-kanak dan belia untuk mengambil bahagian mewujudkan warisan pantun sambil menjaga tardisi Dikir ini dan sekaligus untuk menghiburkan.

Kami akan bersama mencari pantun-pantuan tradisi sambil mengadakan bengkel dikir dengan melakukan pergerakan tangan dan gabungan kedua-duanya di mana mereka boleh menyanyi, bergerak dan mempelajari pantun ' pada masa yang sama.

Program ini bertujuan untuk mendidik kanak-kanak dan remaja tentang cara-cara untuk menggunakan bahasa Melayu dengan menarik lagi menghiburkan.

---

### **SRI WARISAN**

Kumpulan Sri Warisan Som Said Performing Arts Ltd adalah suatu usaha professional yang diasaskan oleh Puan Som Said (PBM). Visi Puan Som Said adalah untuk menjadikan Singapura suatu pusat seni pertunjukan yang bertaraf antarabangsa yang mampu mengajak orang ramai sebanyak mungkin dalam pelatihan tari, musik dan drama.

Sri Warisan telah mengadakan pelbagai persembahan kebudayaan dengan menyertai lebih 60 Perayaan antarabangsa serata dunia termasuk Australia, Belgium, Brunei, Canada, China, Greece, Holland, India, Indonesia, Israel, Italy, Japan, Korea, London, Malaysia, Nepal, New York, Philippines, Spain, Switzerland, Thailand dan Turkey

-Lebih 30 pementasan dan produksi telah dihasilkan dengan sokongan Majlis Seni Kebangsaan Singapura (NAC) termasuk pementasan terbesar “BENDAHARA – A BETRAYAL” yang dipentaskan pada Mac 2012 di Kallang Teater.

-Menyalurkan program seni untuk para pelajar di lebih 300 buah sekolah serata Singapura menerusi Program Kesenian dengan kerjasama Majlis Seni Kebangsaan Singapura -Arts Education Programme.

Siaran Akhbar Ini Diembargo  
4.00ptg, Sabtu, 3 September 2016



### **KAMPUNGKU PERMAINANKU**

#### **SUASANA KAMPUNG**

Dalam persekitaran 'kampung' ketika itu, kanak-kanak menemui cara-cara inovatif untuk mengisi masa mereka dan menghiburkan diri.

#### **PELUANG YANG TERDAPAT DALAM RUANG SOSIAL**

Permainan yang dimainkan di kalangan kanak-kanak di ruang sosial yang sama membenarkan mereka untuk berkongsi pengalaman, di mana persahabatan dan persamaan ditempa akhirnya.

#### **NILAI-NILAI DIGALAKKAN**

Terdapat nilai-nilai seperti kreativiti, saling menghormati dan kerjasama telah diterapkan dalam diri kanak-kanak semasa interaksi dan permainan mereka di dalam persembahan ini.

#### **BERBAHASA MESRA**

Tanpa mengira kaum, kanak-kanak dapat bergaul antara satu sama lain dengan rasa hormat dan mewujudkan persekitaran yang selesa untuk pembelajaran.

### **PETI TARI**

Persembahan tarian, mengikut tahun penciptaan, seawal tahun 1970-an

#### **TARIAN-TARIAN 1950-an.**

Memberi tumpuan kepada tarian yang pada asalnya dicipta pada zaman dahulu oleh tokoh terkemuka dalam Kesenian Melayu Scene.

#### **PEMELIHARAAN**

Satu keperluan untuk memperkenalkan dan mendedahkan penonton moden dengan tarian-tarian Melayu hari ini, dan meneruskan usaha untuk mengekalkan tarian itu untuk generasi akan datang.

---

### **SRIWANA**

Sriwana telah ditubuhkan pada tahun 1955 dengan objektif untuk memperkenalkan, mempromosi, dan menaik taraf Warisan Budaya Melayu di Singapura. Sriwana adalah yang tertua dan salah satu daripada perintis kumpulan Kebudayaan Melayu di Singapura.

Pada masa ini, Sriwana terdiri daripada kira-kira 30 sukarelawan dewasa yang lain dan 30 kanak-kanak muda yang berbakat, yang juga sukarelawan dengan semangat tidak henti-henti untuk seni persembahan tempatan & luar negara.

Siaran Akhbar Ini Diembargo  
4.00ptg, Sabtu, 3 September 2016

Bengkel tarian dan drama dijalankan pada setiap tahun kepada orang ramai sebagai salah satu usaha kumpulan untuk memelihara dan meningkatkan warisan budaya Melayu yang kaya.



People's Association

### **BULAN BAHASA @ TAMPINES NORTH**

Bulan Bahasa @ Tampines North bertujuan untuk mempromosikan bahasa Melayu kepada orang ramai dan mewujudkan kesedaran mengenai pelbagai aktiviti Melayu, kursus dan kumpulan seni yang tersedia di Kelab-Kelab Masyarakat.

Pelbagai pameran akan disediakan untuk para peserta mengetahui lebih lanjut mengenai budaya Melayu. Permainan Interaktif seperti batu serembat, capteh, congkak, guli dan gasing akan disediakan.

Bengkel interaktif lain termasuk:

- 1) Persembahan dan bengkel Wayang Kulit
- 2) Bengkel kompong
- 3) Bengkel Angklung
- 4) Menganyam ketupat menggunakan reben
- 5) Bengkel Bungga Manga
- 6) Bengkel Batik kecil

### **GEMA SI CILIK**

Gema Si Cilik adalah satu wadah untuk mendedahkan kanak-kanak di Tampines (dari PCF dan Sekolah swasta) kepada bahasa, warisan dan budaya Melayu melalui lagu tradisional dan drama.

Pada masa yang sama, ia menyediakan satu wadah untuk guru-guru, pelajar, dan ibu bapa dari pelbagai sekolah untuk membina rangkaian persahabatan.

### **GENDERANG BAHASA & BUDAYA 2016 – PELANCARAN RASMI BULAN BAHASA @TAMPINES**

Genderang Bahasa & Budaya 2016 bertujuan untuk menggalakkan penggunaan bahasa Melayu melalui lagu-lagu tradisional Melayu yang dipersembahkan oleh kumpulan seni persembahan budaya Melayu di Kelab Masyarakat Tampines seperti Orkestra Sri Temasek , Kumpulan Keroncong dan Rhythm Boys.

Artis tempatan akan membuat penampilan untuk menghiburkan tetamu.

Acara ini akan dirasmikan oleh Encik Masagos Zulkifli, Menteri Sekitaran dan Sumber Air dan Penasihat kepada Pertubuhan Akar Umbi Tampines. Beliau akan disertai oleh Penasihat-Penasihat kepada

Pertubuhan Akar Umbi Tampines , Encik Baey Yam Keng, Encik Desmond Choo, Cik Cheng Li Hui dan Penasihat Kedua kepada Pertubuhan Akar Umbi Tampines Central, Encik Sin Boon Ann.

### **KONSERT WARISAN**

Konsert Warisan akan menampilkan artis-artis tempatan dari Seni Warisan untuk mempersembahkan Dondang Sayang. Penonton juga akan berpeluang untuk mendendangkan dondang sayang sambil menguji kecerdasan mereka mencipta pantun secara spontan berdasarkan tema atau subjek dondang sayang yang mereka dengarkan.

### **PERKASA BAHASA**

Perkasa Bahasa adalah satu pertandingan puisi diadakan dengan kerjasama sekolah di wilayah timur Singapura.

Pertandingan ini menyediakan wadah bagi pelajar untuk mengamalkan kemahiran berpidato mereka melalui penggunaan bahasa Melayu dalam pelbagai bentuk seperti peribahasa, puisi dan lagu-lagu yang berkaitan. Dengan berbuat demikian, pelajar akan diperkenalkan kepada peluang baharu menggunakan bahasa (di luar konteks bilik darjah) dan berpotensi membangunkan cinta bahasa.

Sekolah-sekolah yang terlibat akan menghantar sekurang -kurangnya satu kumpulan terdiri daripada empat orang ahli untuk pertandingan.

Tetamu Terhormat, Encik Sin Boon Ann akan dijemput untuk berinteraksi dengan penduduk dan menyampaikan hadiah.

### **WISATA ILMU KEBUDAYAAN MELAYU 2016 – DARJAH 2**

Program ini menggalakkan masyarakat untuk menggunakan Bahasa Melayu sebagai wadah komunikasi terutama sekali di rumah. Dengan cara inilah warisan dan budaya Melayu dapat dikekalkan.

Matlamatnya adalah untuk mendidik para pelajar melalui lawatan ke stesen-stesen yang mengenalkan mereka kepada adat dan tradisi Melayu dan pada masa yang sama, menonjolkan keindahan Bahasa Melayu.

Para pelajar juga akan diperkenalkan kepada kerja-kerja kemasyarakatan di Kelab Masyarakat Tampines West. Mereka akan diperkenalkan kepada adat perkahwinan Melayu, mencuba pakaian pengantin dan belajar menyusun bunga manggar. Permainan dan makanan tradisional akan disediakan dan para peserta akan dihiburkan juga dengan tarian Melayu.

Siaran Akhbar Ini Diembargo  
4.00ptg, Sabtu, 3 September 2016

Pihak MAEC mendekati masyarakat Melayu melalui pelbagai kegiatan-kegiatan sosial, pendidikan dan budaya. Antara aktiviti yang dianjurkan di Tampines termasuk Iftar Sinar Ramadan, Bazar Raya Tampines dan Bulan Bahasa.



### **TOPI KAH, TANJAK KAH?**

Persembahan ini mengisahkan seorang remaja lelaki yang mengembara masa ke empat zaman yang berlainan dan menemui tiga lagenda Melayu - Tanggang, Hang Nadim dan Raden Mas Ayu.

Pada setiap zaman, remaja ini akan berinteraksi dengan watak-watak lagenda. Setiap lagenda mempunyai isu dan tauladan yang tersurat dan tersirat.

Watak-watak lagenda tersebut akan berinteraksi dengan penonton untuk mencungkil pemikiran penonton mengenai apa yang telah berlaku dengan mereka.

Di akhir pementasan ini, remaja ini sedar perlunya untuk kembali kepada jati diri, budaya dan bahasa Melayu dan pada masa yang sama menyesuaikan diri pada zaman moden ini.

---

### **TEATER ARTISTIK**

Teater Artistik ditubuhkan pada 1986 di Balai Rakyat Pasir Panjang oleh sekumpulan peminat teater. Semenjak itu, Teater Artistik telah membuat persembahan mahupun secara kecil-kecilan atau besar-besaran, serta drama dalam bahasa Melayu dan Inggeris.



**BILIK – THEATRE PERFORMANCE**

Drama ikonik Noor Effendy Ibrahim's menyelidik bahasa Melayu dan mempelbagaikan makna yang dikaitkan dengannya. Kisah tragi-komedи sekumpulan penjahat yang begitu beradab dan tertib tutur bahasanya.

Walaupun mereka merupakan pembunuhan, berpakaian jaket formal dan tali leher, mereka sangat berbudi bahasa. Drama ini memberi perspektif yang menarik dalam penggunaan bahasa Melayu dalam teater. Berbudi bahasalah tanpa mengira di mana atau dengan siapa!

---

**POLITEKNIK TEMASEK TEATRO**

Sebuah kumpulan teater dari Politeknik Temasek yang giat menghasilkan persembahan teater oleh penulis teater Singapura.



### **TEATER PELAJAR: PERADUAN DRAMA MELAYU**

Diperkenalkan pada tahun 2010, Teater Pelajar ialah acara tahunan yang diterima dengan baik oleh peserta-peserta dan guru-guru.

Untuk acara keenam tahun ini, acara ini akan diadakan semasa Bulan Bahasa pada September 2016. Kami bertujuan untuk memastikan akar orang Melayu (bahasa dan budaya) kekal dalam masyarakat yang semakin progresif pada hari ini.

Objektif Teater Pelajar 2016 adalah:

- (a) Melibatkan pelajar (sekolah rendah, sekolah menengah dan peringkat pengajian tinggi) melalui penyertaan mereka dalam persekitaran yang menarik dan berdaya saing
- (b) Menguatkan kebolehan, kefasihan dan keyakinan dalam menggunakan bahasa Melayu.
- (c) Menyampaikan minat bahasa Melayu, sastera Melayu, nilai moral dan budaya melaui seni persembahan.

---

### **THE TEENS NETWORK CLUB (KELAB T-NET)**

Teens Network Club (Kelab T-Net) ditubuhkan pada 1 November 2002 sebagai rangkaian Persatuan Rakyat oleh Menteri Kanan Emeritus, Encik Goh Chok Tong. Kelab T-Net sentiasa menganjurkan program yang menyegarkan dan interaktif dengan objektif menginspirasi dan memperkayakan kehidupan remaja-remaja di Singapura. Program-program ini terdapat empat tema, iaitu, Perkhidmatan Masyarakat, Pendidikan, Seni Persembahan dan Sukan dan Pengembalaan.



### **ALAMAT BAHARU: MENTRANSFORMASI TEKS KE PENTAS**

September ini, lima seniman dari pelbagai bidang; tarian, teater, bunyi, visual dan instalasi, mengundang anda ke alamat baharu puisi. Alamat Baharu menginterpretasi sajak-sajak oleh para penulis mapan Singapura, antaranya Suratman Markasan dan Allahyarham Masuri S.N.

Meneroka tema ‘bersama tetapi terpisah’, seniman-seniman kontemporari ini membina makna dan menyampaikan emosi daripada sajak-sajak yang dipilih, dalam percubaan mereka untuk dedahkan apa yang diperlukan untuk hidup bersatu dalam suatu masyarakat yang sentiasa membangun dan cara-cara untuk meraikan perbezaan kita.

Puisi oleh:

Suratman Markasan, Masuri S. N., Rasiah Halil, Rafaat Haji Hamzah, Mohamed Latiff Mohamed

Interpretasi oleh:

Azy Alias, Norisham Osman, Henrik Cheng, Bani Haykal, ila

Dianjurkan oleh:

The Arts House & -wright Assembly

---

### **THE ARTS HOUSE**

Bertempat di bangunan yang hampir berusia 200 tahun yang juga merupakan Bangunan Parlimen Singapura yang pertama, The Arts House telah memainkan peranan yang penting dalam bidang seni dan kreatif di Singapura. The Arts House mempromosikan dan membentangkan program-program pelbagai disiplin dan perayaan seperti seni sastera, filem, seni persembahan dan seni visual.

The Art House diurus oleh Arts House Limited (AHL). AHL juga menganjurkan *The Singapore International Festival of Arts* dan mengurus Goodman Arts Centre dan Aliwal Arts Centre.

### **-WRIGHT ASSEMBLY**

-Wright Assembly adalah sebuah kumpulan artis yang membawa artis daripada berbagai bidang yang ada pendapat estetik yang sama untuk dibincangkan, diselidik dan dibentangkan dalam bentuk teks.



### **DONDANG RAKYAT: SEBUAH KULIAH PERSEMBAHAN OLEH MOHD KHAIR YASIN**

Sempena acara Bulan Bahasa September ini, The Kaizen M.D. mempersembahkan Dondang Rakyat, sebuah kuliah persembahan 90 minit oleh penyanyi serta penulis lagu, Mohd Khair Mohd Yasin (Khair Yasin).

Dalam program ini, Khair Yasin akan berkongsi dengan peserta asas-asas penulisan lirik dan menekankan kepentingan tema dan simbol yang boleh digunakan. Peserta bengkel ini akan diberi masa untuk menghasilkan beberapa rangkap lirik berdasarkan tema yang diberikan.

Turut disertai penyanyi Bakti Khair, para pemuzik dari Nobat Kota Singa dan pelajar-pelajar dari Kelab Drama Melayu Politeknik Ngee Ann; Sri Nadi, Khair Yasin akan menyanyikan rangkap-rangkap yang terpilih.

Program ini sesuai untuk 15 tahun ke atas dan akan dikendalikan dalam bahasa Melayu.

---

### **THE KAIZEN M.D**

The Kaizen M.D. merupakan satu kolektif seni yang mengetengahkan bakat-bakat artis muda dari pelbagai disiplin dengan tujuan untuk mewujudkan karya pelbagai disiplin di Singapura. Ditubuhkan pada Julai 2012 oleh Pengarah Artistik, Norisham Osman, The Kaizen M.D. berhasrat untuk kekal sebagai satu platform penerokaan, pembangunan dan kerjasama bagi bakat-bakat muda dan seniman-seniman di Singapura untuk mencipta karya-karya baru.

Ini merupakan tahun ketiga The Kaizen M.D. mengambil bahagian dalam acara Bulan Bahasa sejak 2014.



### **MARI-KITA BERBUAL-BUAL: A FORUM ON CHINESE-MALAY INTERCULTURAL EXCHANGE**

Forum selama dua hari ini mengongsikan tentang kehidupan dan sumbangan penterjemah perintis Cina-Melayu. Pakar-pakar akan membincangkan tentang aliran budaya Cina dan Melayu

Panel 1:

Suara dan Pilihan: Terjemahan Cina-Melayu pada zaman dahulu di Singapura

Panel 2:

Antara Dua Dunia: Perintis Terjemahan Cina-Melayu Singapura

Panel 3:

Bunga Asli: Keindahan Bahasa Melayu Baba

Panel 4:

Laut dan Tanah: Terjemahkan Rawa

---

### **THE SELECT CENTRE**

The Select Centre ialah pertubuhan yang tidak mengambil keuntungan di Singapura. Kami dinamakan sempena salah satu kedai buku yang terkenal di Asia – Select Books – dan bermisi untuk mempromosikan perfahaman tentang Asia Tenggara dan meletakkan rantau ini di persada kesusasteraan dan intelek dunia.

Ditempatkan di Asia Tenggara, misi Select adalah untuk membangunkan dan memudahkan perkongsian idea dan ilmu di antara bahasa, budaya dan disiplin yang berlainan melalui terjemahan, adaptasi dan amalan silang budaya yang lain. Kami mengadakan aktiviti sepanjang tahun, termasuk *the TranslateSingapore translation festival*; Bengkel Translators Lab; *Literary Gateway*, sebuah platform di antara Asia Tenggara dan Singapura; serta program bimbingan, residensi dan bengkel sekolah.

Kami percaya bahawa sifat berbilang budaya dan warisan pelbagai bahasa merupakan kekuatan unik di Singapura yang belum dimanfaatkan. Kami percaya bahawa Singapura boleh memanfaatkan kekuatan-kekuatan ini untuk membangunkan statusnya sebagai hub idea dan menghubungkan timur dan barat. Kami bertujuan untuk menjadi sebuah pertubuhan yang inovatif dan mengetuai pembangunan manusia dengan menyatukan pelbagai bahasa, budaya dan disiplin.

Siaran Akhbar Ini Diembargo  
4.00ptg, Sabtu, 3 September 2016

Select menerima *National Arts Council Seed Grant* dari 2015 hingga 2018. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.selectcentre.org](http://www.selectcentre.org).



VARIASI PERFORMING ARTS

### **FORUM TEATER DAN DIALOG MASYARAKAT “PANTANG NENEK MOYANG AKU”**

Pantang-larang sering menjadi pegangan leluhur masyarakat Melayu sebagai gelangan pendidikan tidak formal untuk membentuk budi pekerti. Para pelakon teater dari Variasi Performing Arts akan mempersembahkan drama pendek selama 45 minit 'Pantang Nenek Moyang Aku!' mengetangahkan beberapa pantang larang yang selalu dikaitkan dalam majlis-majlis perkahwinan/keramaian, wanita mengandung, kematian dan pelbagai lagi, ia juga akan berbentuk melo-dra dan puisi dengan irungan muzik dari Kumpulan Evaluna. Dalam pementasan itu akan dipersoalkan sama ada pantang larang ini memang benar berlaku kerana kepercayaan kuat orang-orang tua, satu andaian orang untuk menakutkan atau perkara karut yang tidak masuk akal.

Ia akan dibincangkan dalam segi dialog dengan menggunakan teater interaktif sebagai perbincangan oleh para panelis undangan.

Panelis undangan (akan dipastikan):

- (1) Marina Yusoff – Moderator
  - (2) Puan Hjh Som Said, PBM
  - (3) Ustaz Dzarif Abd Wahab
  - (4) Chef Aziza Ali
  - (5) Huda Ali
- 

### **VARIASI PERFORMING ARTS**

Variasi Performing Arts ditubuhkan oleh sekumpulan aktivis seni pada tahun 2001. Dimulakan sebagai Kelab Tarian dan Drama pada tahun 2000, Variasi telah berkembang menjadi syarikat seni persembahan yang dibentuk khas untuk remaja-remaja di Singapura, dengan pelbagai jabatan artistik. Variasi yang membawa maksud kepelbagaiaan atau *variety*, menggabungkan aspek tradisional dan kontemporari seni persembahan Melayu, termasuk teater, tarian dan muzik. Kami bertujuan untuk menyediakan latihan dan ilmu artistik dalam segala industri hiburan, pengurusan teater dan program pendidikan seni. Keutamaan kami adalah untuk menyediakan platform untuk bakat-bakat muda untuk memupuk bakat mereka, serta meningkatkan potensi kreatif mereka dengan memberikan peluang untuk mereka meneruskan minat mereka menurut keupayaan unik mereka.

Siaran Akhbar Ini Diembargo  
4.00ptg, Sabtu, 3 September 2016

Melalui strategi-strategi kami, Meneroka, Menyelidik, Mendedahkan dan Melibatkan, kami harap untuk membawa kesenian kepada masyarakat melalui inisiatif baharu dan idea-idea kreatif dalam program seni kami. Variasi Performing Arts adalah sebuah syarikat yang tidak berdasarkan keuntungan dan diketuai Pengasas dan Penerbit Artistik, Encik Raja Hamzah Zulkifli, bersama 9 ahli jawatankuasa, 40 artis dan sukarelawan yang komited untuk membangunkan sikap profesional dalam seni persembahan. Kami memenangi tempat kedua untuk *National Ethnic Costume Design Competition 2007* yang dianjurkan Persatuan Rakyat (PA) dan diberiakn dua anugerah – *Best Interest Group (Arts)* pada tahun 2003 dan Anugerah Hari Kebangsaan 2011 (Anugerah Perak). VPA ialah syarikat seni yang pertama yang membuat persembahan kontingen secara besar-besaran bertajuk ‘*A different balls game-Musical*’ untuk Chingay 2007 di Orchard Road.

Variasi Performing Arts telah menerbitkan lebih daripada 30 persembahan, perayaan dan penerbitan semenjak 2001.



### **GEMA PUISI ARTISTIK**

Para peserta akan menyampaikan kisah-kisah warisan klasik Melayu melalui pelbagai aspek puisi Melayu.

---

### **SEKOLAH RENDAH WELLINGTON**

Sekolah Rendah Wellington bercita-cita dan berusaha ke arah menjadi sebuah institusi cemerlang yang menyediakan PENTAS untuk pelajar-pelajar berdaya saing di persada dunia.

Bagi melahirkan pelajar-pelajar sebagai pemimpin budaya melalui nilai-nilai Arif Budiman dalam diri mereka, kami bukan sahaja memberi inspirasi kepada mereka untuk menjadi individu yang berilmu tetapi kami juga menyemai semangat untuk berkhidmat kepada masyarakat dalam diri para pelajar melalui pelbagai platform seperti penyertaan mereka dalam aktiviti Bulan Bahasa.



People's Association

### **PELANCARAN BULAN BAHASA DI WOODLANDS**

Persembahan-persembahan hiburan seperti silat, nyayian, dzikir barat, tarian dan mendeklamasikan sajak atau syair oleh beberapa pertubuhan-pertubuhan seni dan perseorangan. Kami juga menjemput beberapa artis tempatan seperti Rohani Dinie.

### **CERITA KITA**

Persembahan sketsa, bahas antara beberapa sekolah dan madrasah dan sembang kopi 'O' untuk berbincang dan berbual mesra tentang orang Melayu pada masa dahulu, sekarang dan masa depan. Kita juga berpeluang untuk menghargai dan memahami setiap poster dan lukisan seni yang akan dipamerkan di beberapa sudut di beberapa ruang.

### **MEMAHAMI BUDAYA MELALUI PERSEMBAHAN MUARA CULTURAL LEARNING PROGRAMME THROUGH MUARA FESTIVAL**

Persembahan-persembahan nyanyian oleh beberapa sekolah termasuk sekolah-sekolah tadika dan pelajar-pelajar dari beberapa sekolah rendah, menengah dan tadika akan diajak untuk berjinak-jinak dengan permainan tradisional sambil menikmati juadah Melayu seperti kuih dadar dan kuih tart. Mereka juga akan diberi buku catitan untuk mereka menulis nota-nota apa yang mereka telah belajar semasa acara ini.

---

### **WOODLANDS CC MAEC**

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) bekerja bersama Jawatankuasa Pengurusan Balai Rakyat (CC) dan pertubuhan akar umbi untuk meningkatkan penyertaan orang Melayu dalam kursus-kursus CC, aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan ehwal negara. Ia juga menggalakkan persefahaman antara kaum dan penghargaan silang budaya dalam masyarakat. Antara aktiviti-aktiviti yang diadakan ialah lawatan ke Pasar Geylang Serai setiap bulan, lawatan membeli-belah Ramadhan di Johor Bahru, tayangan filem lama, memberi bubur dan briyani semasa Ramadhan, bengkel-bengkel, acara Bulan Bahasa dan Gema Syawal. Kami bekerja bersama ketua akar umbi dan masyarakat untuk berbagai projek dan inisiatif.



### **CELIK CILIK AKTIVITI KRAFTANGAN & PERMAINAN MELAYU**

Kelab Celik Cilik dari Sekolah Rendah Yumin akan mengetengahkan tema perintis sempena Bulan Bahasa 2016. Kelab ini merangkumi murid-murid yang berbakat daripada pelbagai rangkaian umur. Kami terharu dapat menyertai pesta ini sekali lagi.

Kelab Celik Cilik teruja untuk menyemarakkan lagi suasana Bulan Bahasa 2016.

Aktiviti-aktiviti terlibat akan dikaitkan dengan perintis-perintis Singapura yang telah mengusahakan kemajuan Singapura dengan secara tidak langsung. Lebih menyeronokkan lagi, tempat Bulan Bahasa 2016 ini diadakan di Muzium.

Nilai-nilai budaya diterapkan dalam kegiatan-kegiatan seperti puisi, kraf tangan, mengenalkan tradisi orang melayu dan mengetengahkan cerita-cerita rakyat. Aktiviti-aktiviti akan dijalankan secara berterusan di ruang pameran yang disediakan. Pengunjung dapat membawa pulang cenderamata apabila mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang disediakan. Bahasa merupakan cerminan masyarakat orang Melayu. Pengunjung juga dapat belajar sambil berhibur.

---

### **SEKOLAH RENDAH YUMIN**

Kelab Celik Cilik diilhamkan setelah menyedari bakat terpendam sekumpulan pelajar-pelajar yang mengambil bahasa Melayu. Bakat semula jadi para pelajar ini menonjol semasa penglibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti berbahasa Melayu yang dijalankan di sekolah. Bakat yang semakin terserlah ini harus digilap, maka tertubuhlah Kelab Celik Cilik pada tahun 2013. Pelajar-pelajar dari darjah satu hingga enam yang dikenal pasti akan dilatih dalam bahagian vokal dan lakonan. Pelajar-pelajar ini telah mengambil bahagian dalam peraduan bercerita antara sekolah dan pernah mendapat penghargaan dan meraih kemenangan. Selain daripada meningkatkan keyakinan pelajar dan mutu penggunaan bahasa Melayu, pelajar-pelajar juga mendapat pendedahan pada khazanah Melayu, sastera dan sejarahnya. Secara tidak langsung, pelajar-pelajar kami merupakan duta bahasa Melayu di Sekolah Rendah Yumin.



### **WAYANGKU LIT@ NATIONAL MUSEUM**

Pameran Wayang kulit interaktif ini akan membawa peserta mengenali sejarah Wayang Kulit dari pelbagai latar. Peserta dibawa dekat kepada sastera Melayu melaui soalan-soalan kuiz. Selain patung wayang kulit yang asli, ada pelbagai patung berwatak kontemporari seperti watak-watak wira ‘Superman’ dan sebagainya, yang boleh dilakukan bersesuaian dengan peredaran zaman. Semoga para pengunjung gerai seronok berinteraksi sambil mendekati bahasa dan sastera Melayu.

### **PERADUAN NYIDRA 2016**

Peraduan NYIDRA dibuka kepada pelajar-pelajar sekolah rendah dari darjah 1 hingga darjah 5. Pelajar harus menyanyi dan pada masa yang sama berlakon berdasarkan interpretasi mereka kepada lirik lagu yang telah dipilih. Peraduan NYIDRA bertujuan untuk mempromosikan lagu-lagu Melayu dan Bahasa Melayu. Pada masa yang sama, Peraduan NYIDRA juga akan dapat memupuk keyakinan diri dan kreativiti dalam menyampaikan mesej melalui kaedah lakonan berlatar belakangkan lagu.

---

### **SEKOLAH MENENGAH YUSOF ISHAK**

Sekolah Menengah Yusof Ishak ditubuhkan pada tahun 1965 sebagai Sekolah Menengah Gabungan Jubilee. Pada 29 Julai 1966, Perdana Menteri pada waktu itu, Encik Lee Kuan Yew, merasmikan pembukaan Sekolah Menengah Yusof Ishak di Jubilee Road. Kami kekal menjadi satu-satunya sekolah yang dinamakan bersempena Presiden Singapura, iaitu Presiden Pertama Encik Yusof Bin Ishak.

Visi kami adalah untuk memupuk “Cendekiawan, Ahli Sukan dan Negarawan”, dalam kalangan pelajar yang dapat mencontohi perwatakan Encik Yusof Ishak. Kami menawarkan bidang tumpuan, ‘Seni Persembahan YI – mengasah pelbagai jenis bakat’ yang bertujuan mengetengahkan bakat pelajar dalam bidang seni melalui Program Komprehensif selama dua tahun dalam seni persembahan. Melalui seni, pelajar dapat dipupuk dengan nilai-nilai sekolah iaitu – Hormat, Tanggungjawab, Semangat Tidak Mudah Mengaku Kalah, Integriti, Keihsanan dan Keyakinan Diri.

Unit Bahasa Melayu dalam Jabatan Bahasa Ibunda sekolah kami secara aktif melibatkan para pelajar dalam program dan aktiviti-aktiviti seperti kuiz, drama dan mengambil bahagian dalam peraduan-peraduan agar dapat memupuk minat serta mencintai Bahasa dan budaya Melayu.



**RAKAN-RAKAN MUZIUM & JEJAK INTERAKTIF**

Pada 3 dan 4 September, pelajar-pelajar yang dilantik sebagai Rakan Bahasa oleh sekolah mereka akan menjadi Rakan-rakan Muzium (Pemandu Muzium) di Singapore History Gallery di Muzium Negara Singapura.

Para pengunjung akan terpegun dengan keyakinan dan kemahiran murid-murid ini berbahasa Melayu sambil mengongsikan tentang sejarah Singapura.

Senarai Rakan Kerjasama:

1. Ace The Place CC MAEC
2. Ahn Dee
3. Angkatan Sasterawan 50 (ASAS'50)
4. Big Tree Pictures
5. Cairnhill CC MAEC & By Definition Pte Ltd
6. Chong Pang CC MAEC
7. Sekolah Tinggi Chung Cheng (Utama)
8. Sekolah Rendah Compassvale
9. Dondang Music
10. Dr Azhar Ibrahim
11. Eunos CC MAEC
12. Funplay Workshop
13. Geylang Serai CC MAEC
14. HazWorkz Design
15. Iman Kindergarten and Childcare Pte Ltd
16. Jurong Green CC MAEC
17. Jurong GRC MAECs
18. Kim Seng CC MAEC
19. Lam Soon CC MAEC
20. Majlis Pembangunan Perbukuan Nasional Singapura
21. Lembaga Perpustakaan Negara
22. Nee Soon GRC MAEC
23. Perbayu NTU
24. Pusat Bahasa NUSA
25. Nusantara Arts
26. Nusantara World Music
27. Orkestra Sri Temasek
28. Perkumpulan Seni
29. Perguruan Silat Seni Gayong Singapura
30. PERTAPIS Youth Cultural Wing
31. Ria 89.7FM, Mediacorp
32. Sri Warisan
33. SRIWANA
34. Tampines GRC MAECs
35. Teater Artistik
36. Politeknik Temasek Teatro
37. Teens Network Club (Kelab T-Net)
38. The Arts House & -wright Assembly
39. The Kaizen M.D.
40. The Select Centre
41. Variasi Performing Arts
42. Sekolah Rendah Wellington
43. Woodlands CC MAEC
44. Sekolah Rendah Yumin
45. Sekolah Menengah Yusof Ishak